

KERAJAAN NEGERI KELANTAN

PEKELILING PENGARAH TANAH DAN GALIAN KELANTAN BILANGAN 8 TAHUN 1971

BAYARAN MEMFAIL SURAT SUMPAAH

Banyak keraguan telah timbul di kalangan Pemungut Hasil Tanah mengenai bayaran memfail Surat Sumpah sehingga perkara ini kerap kali dibangkitkan di dalam perhatian-perhatian Odit.

2. Peraturan 21, Butiran 48 daripada Kaedah-Kaedah Tanah Kelantan, 1966 memperuntukkan bayaran \$5.00 bagi memfailkan Surat Sumpah. Bayaran yang dimaksudkan di sini ialah untuk memfailkan Surat-surat Sumpah berhubung dengan perkara-perkara di bawah K.T.N sahaja. Jika mana-mana orang dikehendaki memfailkan Surat Sumpah berkaitan dengan perkara-perkara di bawah Undang-Undang lain, seperti Undang-Undang Pembahagian Pesaka Kecil, 1955 atau Undang-Undang Rizab Melayu, 1930 dan sebagainya, maka peruntukan di bawah Kaedah-Kaedah Tanah Kelantan 1966 itu tidaklah boleh digunakan.

3. Bayaran di bawah Peraturan 21, Butiran 48 daripada Kaedah-Kaedah Tanah Kelantan, 1966 hanya boleh dikenakan untuk memfail Surat-surat Sumpah yang tidak diwajibkan oleh Kanun Tanah Negara, tetapi yang hanya dikehendaki oleh Pemungut Hasil Tanah atau yang pemohon itu sendiri ingin memfailkannya, umpamanya Surat-surat Sumpah yang dikembarkan bersama-sama dengan permohonan di bawah Sek.166(l)(d) atau Sek. 378. Bayaran-bayaran tidak boleh dikenakan bagi memfailkan Surat-surat Sumpah yang diwajibkan oleh K.T.N. umpamanya Surat Sumpah yang dikehendaki disertakan dengan permohonan di bawah Sek.323(2).

4. Dengan dikeluarkan Pengedaran ini adalah diharap semua PHT tidak lagi akan merasai ragu-ragu tentang bayaran di bawah Peraturan 21, Butiran 48 daripada Kaedah-Kaedah Tanah Kelantan 1966.

t.t
(Hj. Mohd. Hariri bin Abu Taif)
Pengarah Tanah dan Galian
Kelantan

**PEJABAT PENGARAH TANAH DAN GALIAN
KELANTAN**

KOTA BHARU : 21HB. OKTOBER, 1971

PTG.KN.171/59/Vol.2/SJ.1/(22)